

Faktor-Faktor Pemilihan Kursus Dan Masalah-Masalah Pembelajaran Dalam Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat Aliran Teknikal Di Tiga Buah Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Sembilan

Azizi Yahaya¹ & Norhashimah Ismail²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

ABSTRAK: Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor pemilihan kursus dan masalah-masalah pembelajaran dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Seramai 225 orang pelajar aliran teknikal tingkatan 4 di tiga buah Sekolah Menengah Teknik di Negeri Sembilan dipilih secara rawak sebagai responden kajian. Kajian ini menggunakan satu set soal selidik untuk mengumpul data dan maklumat. Data yang didapati dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package For Social Science*) versi 11.5. Analisis data ini diterangkan secara kekerapan, peratusan dan min. Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian ini adalah $\alpha = 0.84$. Hasil kajian mendapati min keseluruhan bagi faktor-faktor pemilihan kursus dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar adalah 4.17. Manakala min keseluruhan bagi dan masalah-masalah pembelajaran dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar adalah 4.00. Oleh itu, jelas membuktikan bahawa faktor-faktor pemilihan kursus dan masalah-masalah pembelajaran mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Justeru itu, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi meningkatkan lagi pencapaian akademik pelajar Sekolah Menengah Teknik di Negeri Sembilan

Katakunci: *Pemilihan Kursus, Masalah Pembelajaran, Pencapaian Akademik*

ABSTRACT: This research was carried out to identify the factors of course choices and the problems in learning process that influencing the academic achievement of students. The factor of course choices is identifying as family factor, friends of same age factor and the factor of students' interest. A total of 225 form four students from technical course in three schools at Negeri Sembilan namely Sekolah Menengah Teknik Tunku Jaafar, Sekolah Menengah Teknik Ampangan and Sekolah Menengah Teknik Port Dickson have been selected at random as respondents in this research. A set of questionnaires were used to collect data and information. It was then analyzed by using SPSS (*Statistical Package For Social Science*) version 11.5. The data analysis has been done base on frequency, percentage and mean. The reliability of this instrument was $\alpha = 0.84$. The finding revealed that overall mean of the significance of the factors of course choices that influencing the academicachievement of students is 4.17. While overall mean of the problems in learning process that influencing the academic achievement of students is 4.00. As a result, it was proved that the factors of course choices and the problems in learning process that influencing the academic achievement of students. Therefore, a few suggestions were decided to increase the academic achievement of students in Sekolah Menengah Teknik at Negeri Sembilan.

Keywords: *Course Choices, Problem In Learning, Academic Achievement*

1.0 PENGENALAN

Perkembangan yang pesat dalam sektor perindustrian menjadi pendorong utama kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Perubahan ini telah mengakibatkan berlakunya kekurangan tenaga kerja dalam pelbagai sektor yang membantu pertumbuhan ekonomi seperti bidang kedoktoran, bidang kejuruteraan serta di dalam bidang sains komputer. Hakikat ini telah mendorong kerajaan untuk menambah peruntukan dalam belanjawan negara kepada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi membina lebih banyak lagi Sekolah Menengah Teknik (SMT) di seluruh negara (Yahya, 1993).

Salah satu pakej yang disediakan adalah termasuk bidang teknikal dan kejuruteraan iaitu pengkhususan terhadap bidang kejuruteraan dan vokasional. Para pelajar yang memohon dan berjaya memasuki Sekolah Menengah Teknik adalah mereka yang bakal menceburi kerjaya dalam bidang teknologi dan jika berkelayakan akan melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Pemilihan pelajar ke sekolah menengah teknik ini adalah berdasarkan kepada pilihan yang mereka buat serta bersandarkan kepada pencapaian mereka dalam memenuhi syarat-syarat tertentu dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Kementerian Pendidikan Malaysia (1982). Mereka yang berjaya akan ditawarkan untuk mengikuti kursus-kursus dalam bidang kejuruteraan iaitu sama ada dalam bidang Pengajian Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik ataupun Kejuruteraan Mekanikal di Sekolah Menengah Teknik (SMT) seluruh negara.

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Para pelajar di Sekolah Menengah Teknik dalam aliran teknikal akan mengikuti kursus sama ada dalam bidang Pengajian Kejuruteraan Elektrik, Pengajian Kejuruteraan Mekanikal dan Pengajian Kejuruteraan Awam. Pada peringkat awalnya sesetengah pelajar yang memasuki Sekolah Menengah Teknik ini, merasa tidak selesa dengan mata pelajaran yang mereka pelajari di sekolah tersebut. Menurut Ab. Rahim (2000), ini disebabkan oleh terdapatnya fenomena perbezaan individu yang dapat dilihat dari segi pencapaian, fizikal, kebolehan, motivasi dan persediaan individu sebelum mereka melangkah ke sekolah. Tetapi jika perkara ini berterusan, ia akan menjejaskan tujuan dan objektif pendidikan yang ingin dicapai.

Adalah sangat penting bagi pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran mereka di sekolah-sekolah menengah ini mempunyai minat serta kesediaan dan keyakinan untuk belajar dalam bidang kejuruteraan ini. Menurut Peter (1989), menjangkakan sesuatu kesukaran akan memberikan ruang yang besar untuk seseorang itu mendapat kegagalan dan sebaliknya jika pelajar-pelajar optimis untuk berjaya, mereka akan mencuba dan terus mencuba untuk berjaya. Kesediaan untuk belajar sangat kuat pengaruhnya terhadap proses pembelajaran. Jika seseorang itu tidak bersedia untuk belajar, mereka tidak akan dapat menerima apa yang mereka belajar. Seseorang yang mempunyai kesediaan belajar bermakna mereka telah bersedia menerima pengalaman pembelajaran dan dapat memanfaatkan pengalaman yang mereka terima untuk kebaikan diri sendiri, masyarakat dan negara. (Ab. Rahim, 2000).

Pada tahun 1979, laporan Jawatankuasa Kabinet memperakukan Sekolah Menengah Vokasional (SMV) yang ada sekarang disemak dan digubal semula agar sesuai dengan permintaan yang semakin mendesak sejajar dengan perkembangan perindustrian yang semakin pesat. Langkah ini adalah sesuai bagi meningkatkan imej dan status Sekolah Menengah Teknik. Selanjutnya pada tahun 1993, Menteri Pendidikan (Dato' Amar Dr. Sulaiman Daud) menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan akan menumpukan perhatian yang lebih terhadap pendidikan sains dan teknologi di semua peringkat persekolahan sebagai asas bagi membentuk satu masyarakat yang saintifik dan berteknologi tinggi menjelang tahun 2020 terserlah apabila 69 buah SMV diseluruh negara dinaikkan taraf kepada Sekolah

Menengah Teknik (SMT) pada tahun 1997. Kajian dilakukan adalah bertujuan untuk mengetahui apakah faktor yang mendorong pemilihan kursus pelajar serta pencapaian prestasi pelajar di Sekolah Menengah Teknik. Dengan hasil dapatan ini nanti akan membantu pihak kementerian dalam merangka cadangan untuk memilih calon yang layak untuk memasuki Sekolah Menengah Teknik.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Walaupun mereka yang berjaya mendapat tempat di SMT adalah merupakan pelajar-pelajar yang terpilih berasaskan kelayakan, prestasi yang ditunjukkan di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tidaklah menepati sesuatu yang membanggakan. Oleh yang demikian, penyelidik melakukan kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar memilih kursus, mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar tingkatan empat di tiga buah Sekolah Menengah Teknik di Negeri Sembilan. Dalam pemerhatian penyelidik, terdapat tiga faktor yang di kenalpasti dalam mempengaruhi pelajar dalam membuat pilihan kursus sebelum memasuki Sekolah Menengah Teknik. Dengan faktor-faktor yang di kenalpasti ini, dapatlah penyelidik membuat hubung kait antara pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Teknik. Penyelidik juga menyenaraikan tiga masalah yang dihadapi oleh pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Teknik yang menjadi masalah kepada pelajar semasa mereka menjalani proses pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Menengah Teknik. Apabila masalah-masalah tersebut dikenalpasti, maka pihak yang terbabit dapat mengambil tugas masing-masing dalam membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Teknik.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menenalpasti faktor-faktor yang utama seperti faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar dalam pemilihan kursus pelajar di Sekolah Menengah Teknik.
- ii. Menenalpasti masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pelajar seperti masalah penguasaan Bahasa Inggeris, masalah penguasaan dalam terminologi kejuruteraan dan masalah pengetahuan sedia ada pelajar terhadap kursus yang diambil di Sekolah Menengah Teknik.
- iii. Menenalpasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara faktor- faktor dominan seperti faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar dengan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Teknik.

5.0 SOROTAN KAJIAN

5.1 Faktor Keluarga

Rumusan dari kajian yang dijalankan oleh Radin Khairuddin (1999) mendapati bahawa pelajar yang memohon untuk melanjutkan pelajaran di sekolah menengah teknik (SMT) telah dipengaruhi oleh keluarga mereka. Penentuan pemilihan kursus daripada ibu bapa haruslah jelas matlamatnya dan ia mestilah merupakan sesuatu yang realistik. Namun begitu, dapatan tersebut tidak selari dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Azly (2000), yang mendapati ibu bapa atau keluarga tidak mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kursus di sekolah menengah teknik (SMT).

Faktor yang dipengaruhi oleh keluarga atau ibu bapa juga bukan sahaja hanya berkait dengan pengaruh dalam memberi keputusan untuk memilih kursus di sekolah menengah

teknik (SMT), malah sejarah dalam sesebuah keluarga juga akan menyebabkan seseorang pelajar itu cenderung untuk memilih kursus dalam aliran teknik di sekolah menengah teknik (SMT). Tidak mustahil jika pelajar itu mempunyai salah seorang ahli keluarga yang turut bekerja dalam bidang yang dipohon dan ini telah mendorong mereka untuk mengikuti kursus yang sama seperti ahli keluarganya.

Menurut Ngalm (1995), terdapat segelintir ibu bapa yang terlalu khuatir terhadap anak-anak mereka dengan pengaruh luar, kesukaran dan bahaya serta berbagai-bagai lagi larangan. Akibatnya pelajar akan menjadi seorang yang rendah harga diri, tidak mempunyai inisiatif, sukar bergaul dan terlalu mengharap pertolongan orang. Selain itu, terdapat juga ibu bapa yang mengharapkan anak-anak mereka akan menjadi seorang yang ternama dan berpangkat semata-mata untuk kebanggaan diri mereka dan akibatnya berlakulah paksaan terhadap sesuatu yang tidak digemari atau yang tidak diminati pelajar. Keadaan ini seterusnya akan mengakibatkan pelajar akan mundur dari segi pemikirannya, kecerdasan mindanya dan juga semangat untuk belajarnya juga akan berkurangan disebabkan oleh paksaan atau desakan yang dibuat oleh ibu bapa atau keluarganya dan akhirnya ia akan terdorong kepada kegagalan.

Selain daripada itu, ibu bapa juga merupakan pengaruh sosial yang besar terhadap pencapaian akademik pelajar di sekolah. Menurut Mok Soon Sang (1995), aspirasi dan harapan ibu bapa terhadap masa depan anak-anak mereka memainkan peranan yang penting untuk mendorong anak-anak mereka supaya berusaha dengan lebih tekun untuk mencapai prestasi yang tinggi di sekolah, baik dalam bidang akademik mahupun di dalam bidang aktiviti ko kurikulum. Menurut beliau lagi, dengan aspirasi dan harapan yang tinggi oleh ibu bapa dan keluarga terhadap masa depan anak-anak mereka dapat diasuh dengan sempurna. Penglibatan ibu bapa serta sokongan dan minat mereka terhadap pendidikan akan dapat meningkatkan mutu pendidikan anak-anak mereka dan sekolah pula menjalankan fungsi sebagai peneguh. Ibu bapa juga boleh mendekati anak-anak dengan berbincang atau bertanya sesuatu yang menunjukkan keprihatinan dan kasih kepada anak-anak mereka.

5.2 Faktor Pengaruh Rakan Sebaya

Rakan sebaya mempunyai pengaruh yang besar ke atas proses permasalahatan seseorang individu. Menurut Manja Mohd Ludin (1990). Rakan sebaya merupakan ejen pembentukan tingkah laku yang paling berkesan. Tambah beliau lagi, berinteraksi dengan rakan sebaya adalah cara yang baik untuk mengimbangkan dan membentuk sahsiah seseorang.

Berdasarkan kajian yang di lakukan oleh Faridah Khamis (2001), penularan masalah sosial yang berlaku kebanyakannya adalah berpunca daripada pengaruh rakan sebaya. Bukti ini jelas menunjukkan bahawa, rakan sebaya merupakan ejen penggalak dalam mewujudkan pengaruh di kalangan rakan seusia dengannya. Pengaruh rakan sebaya adalah lebih berisiko untuk menjebakkan seseorang pelajar itu terlibat dengan sesuatu perkara yang tidak baik. Kenyataan ini menunjukkan bahawa seseorang pelajar akan lebih mudah terdorong untuk melakukan sesuatu jika rakannya turut melakukan perkara yang sama. Begitu juga dengan konteks yang dibincangkan dalam kajian ini, di mana pelajar akan membuat pilihan yang sama dengan pilihan yang di lakukan oleh rakannya. Walaubagaimanapun keadaan ini berlaku disebabkan oleh mereka tidak mahu berpisah dengan rakannya atau mungkin pelajar yang memilih kursus di Sekolah Menengah Teknik (SMT) kerana menganggap rakan mereka boleh membantu dan dapat memberi aspirasi kepadanya untuk belajar kelak.

Menurut Zuraidah (2006), semasa proses pembesaran remaja, pengaruh ibu bapa semakin berkurangan terhadap diri remaja dan mereka lebih banyak bergantung kepada rakan sebaya dalam membentuk nilai-nilai hidup, peribadi serta kefahaman diri masing-masing. Remaja menganggap rakan sebaya mereka sebagai 'role model' kepada diri mereka. Menurut Sharifah Alwiah (1987), pembentukan kumpulankumpulan rakan sebaya akan dapat

memberikan kesan yang lebih terhadap pencapaian serta aspirasi pelajar berbanding dengan latar belakang keluarga.

Seseorang pelajar akan mempunyai aspirasi untuk melanjutkan pelajaran mereka apabila rakan baiknya juga mempunyai rancangan dan aspirasi yang sama (Alexander, Campbell, dan Sharifah Alwiah, 1987). Menurut Sharifah Alwiah (1987), kesan positif dan negatif terhadap aspirasi dan pencapaian akademik persekolahan bermula daripada pengaruh rakan sebaya. Kawan-kawan merupakan pengaruh yang penting dalam aspirasi pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran mereka dan pencapaian prestasi mereka akan bertambah dengan kadar yang lebih tinggi. Dapatan tersebut disokong oleh Mohd azly (2000) yang mana beliau mendapati rakan sebaya memainkan peranan yang penting dalam pemilihan kursus pelajar di Sekolah Menengah Teknik. Beliau mendapati pelajar tersebut berbincang dengan rakan sebaya sebelum membuat keputusan atau membuat pilihan kursus dan seterusnya memilih sekolah yang sama dengan rakan-rakannya.

5.3 Faktor Minat

Faktor minat memainkan peranan yang sangat penting terhadap tingkah laku seseorang individu. Minat sering dikaitkan sebagai pengaruh utama kepada seseorang individu itu dalam melakukan sesuatu perkara. Selain daripada itu, minat juga membawa maksud sesuatu perkara yang menjuruskan mereka kepada pilihan yang diinginkan.

Menurut Abu Zahari (1987), minat dan kecenderungan berperanan penting dalam menimbulkan pengaruh terhadap pelajar dan mempunyai kesan terhadap pencapaian akademik seseorang. Minat yang tinggi dapat mempengaruhi dan mendorong seseorang berusaha dengan gigih untuk menguasai apa yang dikehendaki. Menurut Shok Mee (1997), minat memainkan peranan yang penting sebagai pendorong dalam mempengaruhi kesediaan belajar seseorang. Pelajar-pelajar yang berminat di dalam sesuatu yang dipelajari akan mencapai prestasi yang cemerlang dalam pelajarannya. Selain itu, minat juga mendorong seseorang individu itu melakukan sesuatu kerja atau perkara itu dengan bersungguh-sungguh.

Minat memainkan peranan yang sangat penting terhadap tingkah laku seseorang individu. Sesuatu yang hendak dilakukan perlulah datang daripada minat seseorang. Jika tidak, individu itu akan melakukan sesuatu perkara seakan-akan terpaksa dan akibatnya ia tidak dapat menghasilkan sesuatu sebagaimana yang dikehendaki. Menurut Peter (1989), minat merupakan satu bentuk sikap positif yang sangat sederhana yang menggambarkan kesediaan untuk mengikuti, mempertimbangkan atau bertindak terhadap sesuatu. Ia juga mempunyai peringkat-peringkat yang boleh berubah daripada minat yang bersungguh-sungguh kepada kurang semangat. Daripada minat ini juga dapat menjadi petunjuk yang baik bagi jenis pekerjaan yang diminati.

Dorongan dan rangsangan semata-mata tidak mencukupi bagi pelajar-pelajar untuk menimba ilmu. Para pelajar haruslah mempunyai kesediaan diri yang mencukupi agar segala ilmu yang dicurahkan akan sentiasa diguna pakai. Menurut Ab. Rahim (1989), kesediaan dalam belajar mempunyai pengaruh yang sangat kuat dalam proses pembelajaran pelajar-pelajar. Jika mereka tidak mempunyai kesediaan, mereka tidak boleh belajar dengan penuh perhatian. Setiap pelajar mempunyai kesediaan, tetapi tahap kesediaannya adalah berbeza bagi setiap pelajar. Di antaranya seorang individu dengan individu yang lain mempunyai kesediaan yang berbeza dari segi fizikal, intelektual serta kesediaan soail dan emosi yang banyak berkait dengan pengaruh persekitaran. Pengaruh persekitaran ke atas individu terbit daripada orang yang berlainan agama, iklim kebudayaan dan sebagainya.

Minat juga boleh dikategorikan sebagai kecenderungan seseorang terhadap sesuatu. Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Azly (2000) mendapati minat

boleh mendorong pelajar dalam pemilihan aliran teknikal sebagai pembentukan awal kerjaya pelajar. Apabila keperluan-keperluan asas seperti minat ini ada dalam diri seseorang pelajar, terpulanglah kepada pelajar tersebut untuk meneruskan usaha bagi mencapai apa yang diimpikan dan menjadi aspirasi mereka.

6.0 METOD

6.1 Reka Bentuk Kajian

Dalam rekabentuk kajian, adalah penting bagi penyelidik untuk menetapkan jenis kajian sama ada eksperimental, korelasi kajian kes, atau lain-lain. Kajian yang dijalankan ini adalah bersifat ekspos facto yang mana rekabentuk kajian ini adalah untuk mencari sebab dan akibat. Rekabentuk kajian ini adalah merujuk kepada perlakuan masa kini berdasarkan peristiwa yang telah berlaku dan bersifat kuantitatif. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui faktor yang mempengaruhi pemilihan kursus pelajar sekolah menengah teknik dan akibatnya terhadap pencapaian akademik pelajar. Data diperolehi melalui maklumat dan item yang ditandakan dalam borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Manakala untuk melihat hubungan antara faktor dengan pencapaian akademik pelajar dapat dilihat dengan menggunakan ujian statistik korelasi.

6.2 Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan sepenuhnya di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Fakulti Pendidikan ini dipilih kerana menawarkan empat program yang dikaji oleh penyelidik iaitu Kejuruteraan Awam, Elektrik, Jentera (Mekanikal) dan Kemahiran Hidup. Disamping itu, bilangan responden yang mengikuti empat program ini adalah mencukupi untuk dijadikan sebagai bahan kajian.

6.3 Populasi dan Pensampelan Kajian

Populasi kajian yang dipilih adalah terdiri daripada 440 orang pelajar Tingkatan empat daripada aliran teknikal yang mengambil jurusan Pengajian Kejuruteraan Awam, Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Pengajian Kejuruteraan Mekanikal di Sekolah Menengah Teknik bagi daerah Seremban Negeri Sembilan Darul Khusus. Kajian ini di jalankan di tiga buah Sekolah Menengah Teknik iaitu Sekolah Menengah Teknik Tunku Jaafar, Sekolah Menengah Teknik Ampangan dan Sekolah Menengah Teknik Port Dickson, Negeri Sembilan.

Dalam kajian ini, sampel ditentukan dengan menggunakan kaedah persampelan berlapis berlapis. Penyelidik mengambil seramai 225 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan dari Tingkatan empat aliran teknikal yang mengikuti jurusan Pengajian Kejuruteraan Awam, Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Pengajian Kejuruteraan Mekanikal di tiga buah sekolah menengah teknik di Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus. Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah menengah teknik iaitu Sekolah Menengah Teknik Tunku Jaafar, Sekolah Menengah Teknik Ampangan dan Sekolah Menengah Teknik Port Dickson Negeri Sembilan. Sampel kajian adalah 25 orang bagi setiap kursus bagi setiap sekolah.

6.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah soal selidik. Kaedah instrumen kajian soal selidik merupakan kaedah yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden Tuckman Cate (1980) berpendapat, penggunaan kaedah instrumen ini adalah amat berkesan jika ia disediakan dengan baik dan mempunyai item-item yang konsisten dan boleh dipercayai. Maklumat yang diperolehi daripada responden adalah sulit dan responden tidak perlu menulis nama pada borang supaya mereka merasa lebih selamat untuk memberikan maklumat yang betul. Dalam keadaan masa dan kos yang terhad, ia merupakan cara yang paling sesuai digunakan. Dengan kaedah ini juga, responden tidak perlu menulis nama dan ini memungkinkan mereka menjawab dengan jujur Cockburn (1996).

Borang soal selidik di rekabentuk berdasarkan objektif kajian dan di bahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Bahagian A mempunyai sebanyak 5 item yang perlu diisi oleh responden untuk mendapatkan maklumat latar belakang responden. Maklumat yang dikehendaki oleh penyelidik adalah seperti jantina, jurusan, pencapaian akademik pelajar dalam peperiksaan PMR, peperiksaan pertengahan tahun bagi Tingkatan Empat, taraf pendidikan ibubapa pelajar dan bangsa. Pelajar-pelajar dikehendaki menandakan [/] pada kotak yang disediakan dan mengisi maklumat bagi keputusan peperiksaan yang dikehendaki oleh penyelidik. Bahagian B pula, penyelidik telah menyediakan 22 item soalan atau pernyataan yang perlu di jawab oleh pelajar. Soalan atau pernyataan yang disediakan itu adalah mewakili 3 kategori yang berdasarkan faktor iaitu faktor keluarga, rakan sebaya dan minat pelajar. Setiap kategori mengandungi pernyataan yang berkaitan dengan faktor faktor tersebut.

Bahagian C di kemukakan oleh penyelidik adalah bertujuan untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar SMT dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam bahagian ini, terdapat 18 item yang terbahagi kepada 3 kategori yang mewakili 3 masalah yang telah di kenalpasti. Item-item yang dikemukakan adalah berbentuk soalan dan pernyataan. Responden atau pelajar dikehendaki menyatakan peringkat persetujuan terhadap soalan-soalan dan pernyataan yang dikemukakan dengan menandakan [/] pada kotak yang disediakan bagi setiap item. Untuk memudahkan responden menjawab, tanggapan responden dalam bahagian B dan C diukur dengan menggunakan skala likert yang terdiri daripada 5 peringkat persetujuan. Pengukuran terhadap respon pelajar dibuat dengan menggunakan skala 5 mata.

Jadual 1 : Penskoran skala 5 mata

Item Positif	Item Negatif	Mata
Sangat tidak setuju	Sangat setuju	1
Tidak setuju	Setuju	2
Tidak pasti	Tidak pasti	3
Setuju	Tidak setuju	4
Sangat setuju	Sangat tidak setuju	5

6.5 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang pelajar Tingkatan 4 aliran teknikal iaitu Pengajian Kejuruteraan Awam, Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Pengajian Kejuruteraan Mekanikal. di Sekolah Menengah Teknik Ampangan Negeri Sembilan. Nilai alpha bagi

keseluruhan item dalam soal selidik yang diperolehi adalah 0.8419. Oleh yang demikian, item dalam soal selidik untuk kajian ini boleh digunakan untuk menjalankan kajian sebenar.

7.0 DAPATAN KAJIAN

7.1 Analisis Bahagian A - Jantina Responden

Jadual 2: Taburan bilangan dan peratus responden mengikut jantina

Jantina	Frekuensi (f)	Peratus (%)
Lelaki	96	42.7
Perempuan	126	57.3
Jumlah	225	100

Dalam jadual 2 diatas menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina. Seramai 225 orang telah dipilih untuk kajian ini dan daripada jumlah tersebut didapati seramai 96 orang dengan peratusan 42.7 peratus terdiri daripada responden lelaki dan 126 orang iaitu dengan peratusan sebanyak 57.3 peratus adalah terdiri daripada responden perempuan.

7.2 Analisis Bahagian B

i. Faktor Pengaruh Rakan Sebaya

Jadual 3: Taburan responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi faktor pengaruh rakan sebaya (n=225)

Kenyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai
Saya tidak mengisi borang permohonan ke SMT bersama rakan-rakan	0.0	1.3	9.8	56.9	32.0	4.20	0.66
Saya tidak mengisi pilihan jurusan yang sama dengan rakan saya semasa mengisi borang permohonan.	0.4	1.3	4.4	59.6	34.3	4.26	0.64
Saya tidak terpengaruh dengan pujukan rakan supaya memilih jurusan yang sama dengannya.	0.9	1.3	4.4	50.2	43.2	4.33	0.71
Rakan saya memberi maklumat tentang jurusan ini dan menarik perhatian saya	0.0	1.3	8.0	44.0	46.7	4.36	0.69
Saya tidak suka melakukan perkara yang sama dengan rakan sebaya saya.	0.0	0.9	15.1	41.3	42.7	4.26	0.74
Saya gemar melakukan perkara yang dilakukan oleh rakan walaupun saya tidak minat untuk melakukan perkara tersebut.	0.4	0.9	21.3	45.3	32.1	4.07	0.78
Saya akan mengikuti jurusan ini jika rakan saya tidak ditawarkan jurusan yang sama dan ditempatkan di SMT yang sama	0.9	1.3	19.2	32.4	46.2	4.22	0.86

Min keseluruhan = 4.23 Sisihan piawai keseluruhan = 0.73

Jadual 3 menunjukkan peratusan item bagi faktor pengaruh rakan sebaya. Hasil analisis mendapati, min yang tertinggi adalah item yang menyatakan "Rakan saya memberi maklumat tentang jurusan ini dan menarik perhatian saya" dengan skor min 4.36. Sebanyak 105 orang responden menjawab sangat setuju, 99 orang menjawab setuju, 18 orang menjawab tidak pasti dan 3 orang menjawab tidak setuju. Pada keseluruhannya faktor rakan sebaya berada di tahap tinggi dengan skor min 4.23. Ini bermakna, responden bersetuju bahawa rakan sebaya mempengaruhi mereka dalam membuat pilihan kursus di sekolah menengah teknik.

7.3 Analisis Bahagian C

i. Masalah Dalam Penguasaan Bahasa Inggeris

Jadual 4: Taburan responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi masalah dalam penguasaan Bahasa Inggeris (n=225)

Kenyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai
Saya mempunyai masalah dengan penguasaan Bahasa Inggeris	0.0	0.0	10.7	63.1	26.2	4.16	0.59
Pembelajaran PKA/PKE/PKM dalam BI memberi masalah kepada saya untuk memahami isi kandungan pengajaran guru.	0.0	0.0	13.8	52.0	34.2	4.20	0.66
Pengajaran dalam BM akan lebih memahamkan saya tentang isi kandungan mata pelajaran PKA / PKE / PKM.	0.0	0.4	11.1	49.3	39.1	4.27	0.67
Pada pendapat saya, subjek PKA / PKE / PKM tidak sesuai diajar dalam Bahasa Inggeris	0.0	0.0	24.0	44.4	31.6	4.08	0.74
Walaupun keputusan BI saya baik dalam PMR, tetapi kadang kala sukar untuk saya memahami penerangan di dalam buku teks PKA / PKE / PKM	0.0	0.0	9.8	58.2	32.0	4.22	0.60
Saya menganggap belajar PKA / PKE / PKM dalam Bahasa Inggeris ini sebagai satu cabaran	0.0	1.8	18.7	52.9	26.7	4.04	0.72

Min keseluruhan = 4.16 Sisihan piawai keseluruhan = 0.67

Jadual 4 menunjukkan peratusan item bagi masalah dalam penguasaan Bahasa Inggeris. Hasil analisis mendapati, min yang tertinggi adalah item yang menyatakan "Pengajaran dalam Bahasa Melayu akan lebih memahamkan saya tentang isi kandungan mata pelajaran PKA/PKE/PKM" dengan skor min 4.27. Seramai 111 orang responden menjawab setuju, 88 orang menjawab sangat setuju 25 orang menjawab tidak pasti dan seorang menjawab tidak setuju. Pada keseluruhannya masalah dalam penguasaan bahasa inggeris adalah berada pada tahap tinggi dengan skor min 4.16. Ini bermakna, responden menghadapi masalah dalam penguasaan Bahasa Inggeris dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Menengah Teknik.

7.4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor utama seperti faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar dengan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Teknik.

Hipotesis: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar dengan pencapaian akademik pelajar di SMT

Jadual 5: Hubungan korelasi antara faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar dengan pencapaian akademik pelajar di SMT

Pencapaian akademik pelajar	Signifikan	Pearson, r
Faktor keluarga	0.315	0.067
Faktor rakan sebaya	0.362	0.061
Faktor minat pelajar	0.087	0.114

*Signifikan pada aras keertian 0.05

Jadual 5 menunjukkan hubungan korelasi antara faktor keluarga dengan pencapaian akademik pelajar di SMT. Hasil analisis mendapati nilai signifikan adalah 0.315 iaitu lebih besar daripada nilai signifikan pada aras keertian 0.05, maka hipotesis nol diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor keluarga dengan pencapaian akademik pelajar di SMT. Nilai pekali korelasi Pearson (r) yang diperoleh ialah 0.067 dan ini bermakna hubungan tersebut sangat lemah.

Hasil analisis data mendapati nilai signifikan adalah 0.362 iaitu lebih besar daripada nilai signifikan pada aras keertian 0.05, maka hipotesis nol diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor rakan sebaya dengan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Teknik. Nilai pekali korelasi Pearson (r) yang diperoleh ialah 0.061 dan ini bermakna hubungan tersebut sangat lemah. Nilai pekali korelasi Pearson r positif menunjukkan hubungan antara faktor rakan sebaya dengan pencapaian akademik adalah hubungan langsung.

Hasil analisis data mendapati nilai signifikan adalah 0.087 iaitu lebih besar daripada nilai signifikan pada aras keertian 0.05, maka hipotesis nol diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor minat pelajar dengan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Teknik. Nilai pekali korelasi Pearson yang diperoleh ialah 0.114 dan ini bermakna hubungan tersebut sangat lemah. Nilai pekali korelasi Pearson r positif menunjukkan hubungan antara faktor minat dengan pencapaian akademik adalah hubungan langsung.

8.0 PERBINCANGAN

8.1 Faktor-faktor yang utama seperti faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar dalam pemilihan kursus pelajar di SMT

Sebahagian besar responden telah mengakui bahawa mereka tidak membantah atau menolak perintah dan kemahuan ibu bapa mereka. Dalam kajian ini juga responden mengakui mereka mendapat galakan daripada ibu bapa semasa membuat pilihan kursus di Sekolah Menengah Teknik. Selain itu, daripada kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Moktar Mokri (1999) dimana kebanyakan responden telah bersetuju bahawa mereka terpengaruh untuk memilih kursus yang mereka ambil di SMT adalah kerana terdapatnya ahli

keluarga mereka yang terlebih dahulu menceburi bidang yang sama sebagai kerjaya mereka. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Ab. Rahim (2000) penglibatan ahli-ahli keluarga mereka di dalam sesuatu bidang itu telah menimbulkan minat sehingga ia telah mempengaruhi responden untuk melanjutkan pelajaran serta menceburkan diri di dalam bidang sama. Ini bermakna pengaruh keluarga mempunyai kesan dan pengaruhnya terhadap pemilihan kursus yang dibuat oleh responden semasa memohon memasuki ke Sekolah Menengah Teknik.

Keputusan kajian ini adalah selaras dengan kajian yang pernah dibuat oleh Radin Khairuddin (1999) terhadap pelajar-pelajar di empat buah Sekolah Menengah Teknik di negeri Johor. Dalam kajian beliau, responden telah bersetuju bahawa pelajar selalu menerima nasihat dan pendapat daripada rakan-rakan sebayanya apabila membuat atau mengambil sesuatu keputusan yang berkaitan dengan diri mereka. Dapatan ini dapat dibuktikan kerana sebilangan besar responden dalam kajian tersebut sering mengadakan perbincangan dengan rakan-rakan tentang pemilihan bidang kerjaya yang akan mereka ceburi apabila menamatkan alam persekolahan kelak.

Menurut Moktar Mokri (1999), ramai remaja mula mempelajari erti kehidupan bersama rakan sebaya. Dalam pada itu, Sharifah Alwiah (1987) menyatakan bahawa rakan-rakan merupakan pengaruh penting dalam aspirasi pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran mereka dan pencapaian prestasi mereka akan bertambah dengan kadar yang lebih tinggi. Dalam kajian Moktar Mokri (1999) juga mendapati rakan sebaya merupakan faktor yang amat tinggi dalam mempengaruhi pemilihan kursus pelajar. Ini kerana pelajar akan lebih mudah terdorong untuk melakukan perkara yang dilakukan oleh rakannya.

Faktor yang ketiga tertinggi dalam mempengaruhi pemilihan kursus pelajar adalah faktor minat iaitu dengan min 4.13. Walaupun minat menjadi pendorong utama dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang, tetapi dalam kajian ini penyelidikan mendapati faktor minat adalah merupakan faktor yang ketiga selepas faktor pengaruh rakan sebaya dan faktor keluarga. Hasil kajian oleh Mohd Najib (2002), dapatan beliau menunjukkan minat wujud berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan pendedahan yang diterima oleh pelajar dalam masa proses pembelajaran dan juga melalui persekitaran kehidupan yang wujud disekeliling pelajar.

Dapatan kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian yang telah dibuat oleh Radin Khairuddin (1999). Dalam kajian beliau, responden menyatakan minat mereka disebabkan oleh cita-cita dan keinginan mereka untuk mendapatkan kerjaya yang mencabar. Dalam kajian yang dilakukan oleh Robiah (1994) ada menyatakan bahawa minat adalah faktor pendorong untuk seseorang individu mencapai cita-citanya.

8.2 Masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pelajar seperti masalah penguasaan Bahasa Inggeris, masalah penguasaan dalam terminologi kejuruteraan dan masalah pengetahuan sedia ada pelajar terhadap kursus yang diambil di Sekolah Menengah Teknik

Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar mempunyai masalah yang paling tinggi terhadap penguasaan Bahasa Inggeris. Responden bersetuju dengan item yang menyatakan "Pengajaran dalam Bahasa Melayu akan lebih memahamkan saya tentang isi kandungan mata pelajaran PKA/PKE/PKM". Ini menunjukkan mereka lebih mudah faham jika mata pelajaran PKA/PKE/PKM diajar dalam Bahasa Melayu kerana responden tidak dapat menguasai Bahasa Inggeris dengan baik. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian oleh Mohd Puzi (2007) yang mana majority respondennya menunjukkan kecenderungan yang negatif terhadap penguasaan Bahasa Inggeris. Menurutnya lagi, masalah ini adalah

disebabkan oleh sikap, minat dan persekitaran dalam mempengaruhi penguasaan Bahasa Inggeris pelajar.

Menurut Abdullah Majid (1995) pula, masalah dalam penguasaan Bahasa Inggeris ini adalah dipengaruhi oleh faktor dalam dan luaran. Faktor dalaman adalah dari segi sikap dan minat pelajar itu sendiri. Manakala dari segi faktor luaran pula, pelajar dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Pernyataan ini dikukuhkan lagi oleh Salina Ibrahim (2002) yang menyatakan bahawa penguasaan dalam Bahasa Inggeris harus disokong oleh faktor luaran dan dalaman. Faktor dalaman antaranya yang berasaskan sikap dan minat serta penerimaan individu terhadap kepentingan mempelajari bahasa tersebut. Dari segi faktor persekitaran pula, kebanyakan responden menggunakan Bahasa Melayu dalam pertuturan seharian dan faktor ini mendorong kepada penerimaan yang negative terhadap Bahasa Inggeris.

Dalam kajian oleh Wan Mohd Zahid (1999) menyatakan bahawa adalah sukar untuk seseorang pelajar baru bagi sesuatu bidang untuk memahami isi kandungannya dalam masa yang singkat. Penerimaan individu terhadap subjek kejuruteraan juga menjadi pendorong kepada penguasaan yang baik dalam subjek tersebut. Jika pelajar itu bersedia untuk belajar dalam bidang kejuruteraan, maka proses pembelajaran itu akan menjadi lebih mudah. Dalam konteks ini, pelajar perlu mempunyai kesediaan untuk belajar dalam bidang kejuruteraan bagi memudahkan mereka faham apa yang terkandung di dalam isi kandungan bagi subjek Pengajian Kejuruteraan Awam, Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Pengajian Kejuruteraan Mekanikal. Menurut Ab. Rahim (2000), kesediaan mempunyai pengaruh yang sangat kuat dalam proses pembelajaran pelajar. Jika kesediaan pelajar itu tidak ada, maka penerimaan bagi sesuatu pelajaran itu adalah sukar.

Persediaan awal pelajar sebelum mempelajari sesuatu subjek adalah penting kerana mereka dapat mengetahui serba sedikit tentang apa yang akan dipelajari kelak. Persediaan ini boleh dikaitkan dengan minat seseorang itu terhadap sesuatu pelajaran. Jika seseorang pelajar itu mempunyai minat terhadap sesuatu subjek, maka mereka akan berusaha untuk mendalami terlebih dahulu sebelum masuk ke dalam kelas. Menurut Shok Mee (1997), minat memainkan peranan yang penting sebagai ejen pendorong dalam mempengaruhi kesediaan belajar seseorang. Kajian ini juga selaras dengan kajian yang pernah di lakukan oleh Mohd Puzi (2007), kesediaan pelajar terhadap sesuatu subjek akan memudahkan penerimaan individu itu untuk belajar. Beliau juga ada menyatakan, kebanyakan respondennya mempunyai masalah dalam pengetahuan sedia ada dan ia mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

8.3 Hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kursus pelajar dengan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Teknik

Faktor keluarga mempengaruhi pemilihan kursus pelajar tetapi pencapaian akademik pelajar tidak dipengaruhi oleh faktor keluarga. Namun begitu, ibubapa dan keluarga bertanggungjawab dalam memberi galakan serta motivasi kepada pelajar untuk mencapai kejayaan dalam akademik dan seterusnya terhadap bidang yang diikuti pelajar. Pendapat ini bersesuaian dengan pendapat Shok Mee (1997) yang menyatakan bahawa, ibu bapa haruslah mahir dalam menyemai motivasi terhadap anak-anak mereka. Apabila ibu bapa memberikan motivasi atau rangsangan kepada anak-anak, maka ia akan dapat menanamkan dan menggerakkan motif di dalam diri dan mendorong mereka mencapai sesuatu yang di cita-citakan walaupun proses tersebut menuntut masa yang agak panjang untuk dicapai.

Berdasarkan kajian yang di buat oleh Lee Ming (1999) mendapati bahawa rakan sebaya merupakan ejen utama dalam pembentukan tingkah laku yang paling berkesan. Tetapi tingkah laku yang ditunjukkan itu tidak mendorong seseorang individu untuk mencapai

kejayaan. Dalam erti kata lain, pencapaian akademik pelajar bukanlah didorong oleh pergaulan antara rakan sebayanya.

Dapatan ini adalah selaras dengan dapatan kajian yang dibuat oleh Mohd Azly (2000) yang mendapati rakan sebaya memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pemilihan kursus pelajar. Beliau mendapati pelajar membuat perbincangan dengan rakan dalam membuat keputusan semasa membuat pilihan kursus di Sekolah Menengah Teknik. Ini bermakna pelajar lebih suka berbincang dan dipengaruhi oleh rakan dalam membuat keputusan berkaitan dengan pilihan yang bakal dibuat. Pelajar kurang berbincang dengan rakan semasa membuat ulangkaji pelajaran, maka dengan ini pengaruh rakan sebaya tidak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Teknik.

Berdasarkan dapatan kajian bagi tahap pencapaian akademik pelajar, analisis menunjukkan tahap pencapaian responden adalah pada tahap sederhana. Ini menunjukkan faktor-faktor pemilihan kursus pelajar tidak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Namun berdasarkan nilai signifikan yang diperolehi, faktor minat menunjukkan nilai signifikan yang hampir dengan nilai signifikan pada aras keertian 0.05 iaitu 0.087. Ini bermakna faktor minat menunjukkan kecenderungan dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Dapatan ini adalah selaras dengan dapatan kajian yang telah dibuat oleh Radin Khairuddin (1999) yang menyatakan bahawa pencapaian akademik pelajar adalah dipengaruhi minat pelajar itu sendiri di mana perkaitan faktor minat berbanding pemboleh ubah yang lain adalah lebih tinggi. Beliau membuat kesimpulan dimana pencapaian akademik pelajar boleh dipertingkatkan dengan kesedaran dan ketekunan mereka dalam melakukan sesuatu perkara yang berkaitan dengan pembelajaran.

Menurut Abu Zahari (1987), minat dan kecenderungan berperanan penting dalam menimbulkan pengaruh terhadap pelajar dan mempunyai kesan terhadap pencapaian akademik seseorang individu. Minat yang tinggi dapat mempengaruhi dan mendorong seseorang itu berusaha dengan gigih untuk menguasai apa yang dikehendaki. Selain itu, Shok Mee (1997) menyatakan minat memainkan peranan yang penting sebagai pendorong dalam mempengaruhi kesediaan belajar seseorang. Pelajar-pelajar yang berminat di dalam sesuatu yang dipelajari akan memperoleh pencapaian yang cemerlang dalam akademiknya.

RUJUKAN

- Ab. Rahim (2000). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Bidang Kejuruteraan Oleh Pelajar Wanita Tahun 4 Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Abdullah Majid (1995). *Bahasa Inggeris dalam Arus Pembangunan Negara. Satu Tinjauan Umum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Zahari Abu Bakar (1987). *Memahami Psikologi Pembangunan Jasmani*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Colombo Plan Staff College For Technical Education. (1982). *“Aspect of Curriculum For Technician Education”*. Singapore: Photolabs.
- Ee, Ah Meng (1998). *“Pedagogi II: Pelaksanaan Pengajaran”*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Faridah Khamis (2001). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar aliran teknikal dalam mata pelajaran lukisan kejuruteraan di sekolah menengah teknik, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Kerlinger, F.N. (1986). *Foundations of Behavioural Research*. Forth Worth : Holt, Rinehary and Winston.

- Krejcie, R.V. and Morgan, D.W. (1970). *Determining sample size for research activities*. Educational and Psychological Measurement. **30**. 607-610
- Lee Shok Mee (1991). *Pedagogi 3. Bahagian A: Pengajaran Dan Persediaan Mengajar*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Manja Mohd. Ludin (1990). "*Psikologi, Sosiologi & Falsafah Dalam Pendidikan.*" Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "*Penyelidikan Pendidikan.*" Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Azly (2000). *Persepsi Pelajar SMT Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Bahasa Inggeris*. Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Mohd Najib (2002). *Perkembangan Dan Pemilihan kerjaya Remaja*. Selangor : Federal Publications.
- Mohd Puzi (2007), *Penggunaan dan Penguasaan Bahasa Inggeris Di Kalangan Pelajar Tahun Dua (SPE, SPA, SPJ dan SPH)*. Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana
- Moktar Mokri (1999). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar memilih aliran kejuruteraan teknikal sebagai pembentukan awal kerjaya selepas peperiksaan penilaian menengah rendah (PMR) di dua buah sekolah menengah teknik Negeri Melaka*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Mok Soon Sang. (1995). *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI*. Edisi Kedua. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Radin Khairuddin Mohammad (1999). *Faktor pemilihan bidang serta pencapaian prestasi pelajar di sekolah menengah teknik*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Robiah Sidin (1994). *Pemikiran dalam Pendidikan*. Shah Alam : Penerbitan Fajar Bakti.
- Salina Ibrahim (2002). "*Persekitaran dan Motivasi – Bantu penguasaan bahasa*
- Shahril Marzuki (1993). *Cabaran-Cabaran Dalam Pendidikan Vokasional Dan Teknik Bagi Memenuhi Permintaan Sumber Tenaga Manusia Untuk Mencapai Matlamat Wawasan 2020*. Majalah, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Sharifah Alwiyah Alsagoff (1987). *Psikologi Pendidikan I. Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Logman Malaysia Sdn. Bhd.
- Tuckman W.B. (1978). "*Conducting Educational Research*". New York: Harcourt Bruce Javanovich.
- Wan Mohd Zahid (1999). *Persepsi pelajar wanita terhadap faktor-faktor dalam pemilihan kursus kejuruteraan awam di Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Yahya Emat (1993) "*Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia*". Petaling Jaya IBS Buku.
- Zuraidah Binti Alias (2006). *Faktor-Faktor Yang Mendorong Pelajar Dalam Lukisan Kejuruteraan Di Sekolah : Satu Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Guntong Dan Sekolah Menengah Kebangsaan Manir, Kuala Terengganu, Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda. *nggeris.*" Fokus. Setsuko